

## **Teks Ucapan**

**Yang Berbahagia**

**Profesor Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor**

**Naib Canselor UiTM**

**sempena**

**Majlis Jalinan Ukhwah Ramadan**

**anjuran**

**Pusat Jaringan Alumni**

**Pejabat Jaringan Industri, Komuniti & Alumni [ICAN]**

**17 April 2023| Isnin | 5 Petang**

**Dewan Sri Impian, Hotel UiTM**

**Shah Alam**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH ROBBIL 'AALAMIIN  
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA ASYRAFIL  
ANBIYAAI WAL MURSALIIN  
WA 'ALAAAALIHI WASOHBIGHI AJMA'IN.**

**Yang Berbahagia Profesor Dr. Mohamad Hariri  
Abdullah**

Timbalan Naib Canselor  
Jaringan Industri Komuniti dan Alumni

**Yang Berbahagia Profesor Dr. Muhammad Hussain  
Ismail**

Pengarah Pusat Jaringan Industri

**Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Mahadir Ladisma  
@ Awis**

Pengarah Pusat Jaringan Komuniti

**Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Nazura  
Mohamed Sayuti**  
Pengarah Pusat Jaringan Alumni

Para Presiden dan Wakil dari Persatuan-persatuan Alumni  
UiTM;

Yang diraikan, Anak-anak dari Akademi Tahfiz Al-Hidayah,  
Kampung Datuk Keramat Kuala Lumpur;

Rakan-rakan media serta hadirin yang saya hormati  
sekalian.

**Salutasi (kemas kini berdasarkan kehadiran)**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Selamat sejahtera dan salam Malaysia Madani.**

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kita dapat bersama-sama dalam ke **Majlis Jalinan Ukhwah Ramadan Alumni** anjuran Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN). Semoga majlis ini dapat menambah barakah dan silaturahim sesama kita sempena bulan Ramadan yang mulia ini.

2. Saya mengalu-alukan kehadiran semua pihak khususnya barisan alumni UiTM yang merupakan tulang belakang kepada kemajuan dan pembangunan UiTM selama ini.

**Hadirin yang dihormati,**

3. Majlis hari ini dimeriahkan dengan kehadiran 76 orang anak-anak yatim dari Akademi Tahfiz Al-Hidayah (ATAH). Semoga majlis hari ini akan membawa keceriaan kepada anak-anak ini. Selamat datang kepada anak-anak sekalian.

4. Pada kesempatan ini juga, ribuan terima kasih saya ucapkan kepada para alumni yang bersama-sama

memberikan sumbangan kepada anak-anak ini sebagai persediaan untuk mereka menyambut Syawal yang bakal menjelang.

5. Segala usaha yang baik ini amat bermakna kepada anak-anak yang tentunya bersemangat dalam menjalankan ibadah puasa. Sama-sama kita rebut peluang untuk mencari keberkatan dan keredaan-Nya.
6. Majlis ini pada hari ini juga menjadi bukti komitmen yang diberikan oleh para alumni UiTM. Ia merupakan platform penting untuk memupuk silaturrahim antara persatuan-persatuan alumni UiTM dan pihak universiti.
7. Semoga sokongan dan rezeki yang dikongsi bersama anak-anak yang memerlukan ini akan mendapat ganjaran berlipat ganda dari Allah SWT.
8. Saya difahamkan Akademi Tahfiz ini adalah di bawah seliaan Dr. Azlina Affandi yang merupakan Alumni UiTM dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Kampus Dungun,

*batch 1991. Beliau juga merupakan ahli Persatuan Alumni Perniagaan Insurans (API) UiTM.*

9. Terima kasih Dr. Azlina di atas usaha murni yang dilakukan demi memastikan kesejahteraan anak-anak di akademi ini.
10. Saya juga menyokong dan mengalu-alukan penglibatan aktif persatuan-persatuan alumni UiTM untuk mengadakan program yang akan membantu kepada pembangunan sahsiah dan fizikal anak-anak yatim ini serta mereka yang dari golongan asnaf dan keluarga B40.

**Hadirin sekalian,**

11. Dengan kekuatan seramai 664,873 alumni, berdasarkan data terkini pada 6 April 2023, saya percaya paraalumni bersama universiti untuk memikirkan pendekatan baharu yang dapat meringankan beban mereka yang betul-betul memerlukan sama ada berbentuk jangka pendek mahupun jangka panjang.

12. Bantuan yang difikirkan sesuai diperlukan mengikut situasi dan kehendak semasa. Melalui aktiviti atau program seperti ini, kita dapat membantu mereka menjadi modal insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.
13. Jalinan kerjasama dengan pihak Akademi Tahfiz Al-Hidayah pada hari ini merupakan satu langkah permulaan yang baik. Usaha ini perlu diteruskan lagi dengan melibatkan lebih banyak rumah kebajikan dan mereka yang memerlukan.
14. Saya yakin kesepakatan dan keakraban yang terbentuk sebagai satu pasukan dalam kalangan tuan-tuan dan puan-puan serta wakil dari 41 Persatuan Alumni yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) serta mendapat pengesahan UiTM, tentunya akan memberikan manfaat yang lebih besar kepada pelbagai pihak.

15. Akhir kata, saya amat menghargai inisatif yang diterajui oleh Pusat Jaringan Alumni di bawah Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) dalam menganjurkan Majlis Jalinan Ukhwah Ramadan Alumni pada tahun ini. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan semua yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

**Sekian. Terima kasih.**

**Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**